

13 JUN 2002

Samy-Bumiputera

BUMIPUTERA DIBERI SEBAHAGIAN KERJA PENTING DLM PROJEK JAMBATAN KEDUA

PULAU PINANG, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan supaya sebahagian daripada kerja-kerja penting projek pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang diberi dan dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata, arahan Perdana Menteri itu adalah sebagai memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor bumiputera terlibat dalam pembinaan jambatan sejauh 23 kilometer itu.

Jambatan kedua yang menghubungkan pulau dan tanah besar berharga RM2 bilion dan dipercayai terpanjang di dunia dan kerja-kerja awal pembinaannya dijangka bermula tahun depan.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kontraktor Bumiputera Pulau Pinang di sini hari ini, arahan Perdana Menteri itu juga adalah sebagai usaha kerajaan membantu kontraktor bumiputera berpeluang melaksanakan projek-projek yang besar seumpamanya.

Katanya, kerajaan telah melantik dua buah syarikat jurutera perunding, sebuah dari Jepun dan sebuah syarikat tempatan untuk menjalankan kerja-kerja konsep jambatan dan dijangka siap dalam tempoh 6 bulan lagi.

Projek itu dilaksanakan dibawah biayaan pinjaman mudah oleh kerajaan Jepun dan ia menghubungkan tanah besar melalui Batu Maung-Batu Kawan.

Samy berkata, sehubungan itu, kementeriannya akan menubuhkan sebuah jawatankuasa pemantauan bagi memastikan sebahagian besar daripada kerja-kerja penting projek pembinaan jambatan itu diberikan dan dilaksanakan oleh kontraktor bumiputera.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan mesyuarat berkenaan, beliau berkata, kementerian juga bercadang untuk menaikkan taraf kelayakan tawaran tender untuk kelas F daripada RM100,000 sekarang kepada RM500,000.

Katanya, kerajaan sedang memantau beberapa buah syarikat kontraktor kelas F yang aktif bagi membantu menaikkan taraf kelayakan mendapat projek yang berharga lebih RM100,000 itu.

"Daripada 11,000 buah syarikat kontraktor kelas F yang berdaftar, cuma tidak lebih 5,000 buah syarikat sahaja yang benar-benar aktif menjalankan kerja dan mereka ini akan dibantu untuk mendapat projek yang berharga lebih RM100,000", kata beliau.

Mengenai masalah cabutan undi untuk mendapat projek kecil oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dikatakan kini cuma diadakan setiap 3 bulan sekali sahaja, Samy berkata, perkara ini akan disiasat dan beliau akan mengarahkan Ketua Pengarah JKR mengatasinya segera.

"Saya akan arahkan agar cabutan undi diadakan setiap bulan dan semua kontraktor kecil harus mempunyai peluang untuk mendapat kerja", kata beliau.

Katanya, selain itu, kerajaan juga akan mengeluarkan arahan baru mengenai masalah pengambilan pekerja asing dalam sektor perindustrian yang didapati menghadapi masalah tenaga buruh.

"Sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membincangkan perkara ini kerana masalah kontraktor ialah mereka kekurangan tenaga buruh yang berpengalaman apabila buruh asing itu tamat permit dan pulang ke tanah air," kata beliau.

--BERNAMA

AZE ZB